

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL PERTAMA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : YB SENATOR PUAN ASMAK BINTI HUSIN
TARIKH : 12 DISEMBER 2018 (RABU)

SOALAN NO.8

YB Senator Puan Asmak Binti Husin minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan apakah Kerajaan bercadang mengadakan perintah berkurung bagi remaja pada waktu malam bagi mengurangkan jenayah melibatkan mereka.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Buat masa ini, Kerajaan tidak berhasrat untuk menetapkan larangan keluar malam (*curfew hours*) atau perintah berkurung bagi kanak-kanak dan remaja bawah 18 tahun pada waktu malam memandangkan masih terdapat aktiviti-aktiviti berfaedah yang dilaksanakan dengan melibatkan remaja bawah umur pada waktu malam antaranya seperti kelas-kelas tuisyen dan kemahiran serta penganjuran solat hajat dan *qiamullail* (bangun malam).

Adalah menjadi tanggungjawab ibu bapa dan pemimpin tempatan untuk memainkan peranan dalam memastikan anak-anak remaja kita di bawah umur ini supaya tidak terlibat dengan aktiviti yang tidak sihat pada semua waktu termasuk pada waktu malam. Langkah pertama ke arah menangani isu ini ialah ibu bapa perlu mengakui wujudnya masalah dalam mengawasi dan mengawal anak-anak remaja mereka.

Dalam kes-kes tertentu, ibu bapa atau penjaga boleh juga membuat permohonan bertulis kepada Mahkamah untuk intervensi oleh JKM di bawah Seksyen 46 Akta Kanak-Kanak 2001. Peranan dan tanggungjawab ini juga boleh dilaksanakan melalui penguatkuasaan oleh pihak berkuasa tempatan (PBT), pihak polis atau komuniti dalam memastikan aktiviti-aktiviti tidak sihat ini tidak dilakukan secara berleluasa oleh para remaja. Harus ditekankan bahawa masalah utamanya ialah aktiviti tidak sihat yang dilakukan oleh remaja, bukannya isu siang atau malam.

Tuan Yang di-Pertua,

Antara fokus Kementerian ini pada tahun hadapan adalah program-program kesedaran dan isu kekeluargaan. Selain itu, Kementerian juga melihat bahawa cabaran utama dalam menangani isu-isu sosial adalah penyalahgunaan substans (*substance abuse*). Selain itu, *National Health and Morbidity Survey 2017* oleh Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) mendapati bahawa remaja telah pun mengadakan hubungan seks seawal

SOALAN NO.8

usia 13 tahun. Isu-isu ini akan dibincangkan dengan lebih lanjut dalam Mesyuarat Majlis Sosial Negara dengan turut melibatkan Kementerian Dalam Negeri (KDN), Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) dan Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM).

Memandangkan isu remaja berpeleleran ini merupakan isu sosial, saya ingin menyeru Ahli-Ahli Yang Berhormat agar dapat melihat perkara ini dengan lebih dekat dan digalakkan untuk menganjurkan program-program berfaedah bukan sahaja kepada remaja malah kepada ahli keluarga dan komuniti seperti pemerksaan ilmu kekeluargaan dengan melibatkan penyertaan ibu bapa dan anak-anak mereka supaya kita dapat memastikan para remaja di kawasan kita tidak terlibat dengan aktiviti-aktiviti yang tidak sihat tersebut.